

Anwar beri bayangan tiada rombak Kabinet

Kenyataan PM susulan perubahan kepimpinan CEC DAP

Oleh Muhammad Yusri Mazamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan rombakan Kabinet tidak perlu dilakukan susulan perubahan kepimpinan Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP, kelmarin.

Perdana Menteri ketika diajukan soalan mengenai perkara itu semalam bagaimanapun hanya berseloroh: "Itu rombakan Kabinet DAP, dia (parti berkenaan) sudah buat semalam (kelmarin)."

Sementara itu, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) merangkap Presiden PKR turut mengucapkan tahniah kepada kepimpinan baharu CEC DAP 2025.



Anwar pada Program Ihya' Ramadan Perdana Menteri bersama Warga Kementerian Pendidikan Tinggi di Putrajaya, semalam. Turut sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir. (Foto BERNAMA)

"Tahniah, teruskan bekerja," katanya ketika ditemui selepas Program Ihya' Ramadan Perdana Menteri bersama Warga Kementerian Pendidikan Tinggi di sini, semalam.

Pemilihan DAP kelmarin me-

nyaksikan Ahli Parlimen Seremban, Anthony Loke, mengekalkan pengaruhnya apabila dipilih semula sebagai Setiausaha Agung.

Beliau antara 30 calon yang memenangi pemilihan CEC kali

ini untuk membarisi kepimpinan baharu parti berkenaan yang turut menyaksikan Lim Guan Eng gagal untuk mempertahankan jawatan pengerusi yang diganti oleh Gobind Singh Deo.